



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)**

*Deputy Secretary General (Finance)*

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

*Ministry of Health Malaysia*

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Telefon : 03-88832542

Fax. : 03-8885461

Ruj. Kami: (17)dIm.KKM-58/300/1-5 Jld.2

29 Disember 2014

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

Semua Pegawai Kesihatan Daerah/Pegawai Pergigian Daerah

Kementerian Kesihatan Malaysia

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2014 -  
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERINTAH FI (PERUBATAN) (KOS  
PERKHIDMATAN) 2014**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya fi baru perubatan warga asing dilaksanakan mulai 1 Januari 2015 secara berperingkat dalam tempoh empat tahun. Sehubungan dengan itu, satu taklimat mengenai pelaksanaan fi baru perubatan bagi warga asing telah diadakan pada 7 sehingga 21 Disember 2014 di semua Jabatan Kesihatan Negeri yang melibatkan pejabat kesihatan daerah, hospital, klinik kesihatan dan klinik pergigian bagi menjelaskan pelaksanaan fi baru ini.

3. Untuk makluman Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, selaras dengan pelaksanaan fi baru ini, semua sistem pengebilan bil pesakit (*itemised billing*) di hospital telah diubahsuai dan dikemaskini manakala bagi klinik kesihatan dikehendaki untuk melaksanakan fi baru ini dengan merujuk kepada Buku Jadual Fi Perubatan Warga Asing yang telah diedarkan semasa sesi taklimat pelaksanaan fi baru.

